

# Nik Aziz mahu temui Dr Mahathir

Oleh Nasir Hassan

BH 2 6 MAY 2000

KOTA BHARU, Khamis – Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, bercadang menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekali lagi, bagi menyelesaikan isu pinjaman mudah sebanyak RM600 juta yang dipohon daripada Kerajaan Pusat.

Langkah itu sebagai tindakan susulan kerajaan negeri dalam usaha membaik pulih perkhidmatan bekalan air di negeri ini sejak diambil alih daripada sebuah syarikat swasta, Kelantan Water Sdn Bhd (KWSB), tahun lalu.

Menurut Nik Abdul Aziz pertemuan itu dijangka diadakan selepas kerajaan negeri menyiapkan kertas kerja berhubung beberapa aspek berkaitan dengan perundangan, kewangan dan teknikal.

“Ketika ini, kami sedang menunggu kelulusan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) yang akan membincangkan kertas kerja itu pada mesyuaratnya yang akan diadakan akhir bulan ini,” katanya selepas merasmikan Pasar Kedai Buloh, dekat sini, hari ini.

Sempena majlis itu, beliau juga menyerahkan surat pemilikan ruang niapa kepada

hampir 100 peniaga di pasar berkenaan.

Hadir sama Timbalan Menteri Besar, Abdul Halim Abdul Rahman yang juga Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan, Perindustrian, Pembangunan Usahawan dan Sumber Manusia; dan Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Sains dan Teknologi negeri, Ahmad Yakub.

Nik Abdul Aziz berkata demikian ketika diminta mengulas perkembangan terbaru berhubung isu permohonan pinjaman mudah RM600 juta daripada Kerajaan Pusat untuk membaik pulih perkhidmatan bekalan air di negeri ini.

Perkhidmatan bekalan air Kelantan diswastakan kepada sebuah syarikat dari England, iaitu Thames Water mengadakan usaha sama dengan agensi kerajaan negeri, Yayasan Kelantan Darulnaim (Yakin) yang mewujudkan anak syarikatnya KWSB.

B a g a i m a n a p u n , perkhidmatan penswastaaan bekalan air itu ditarik balik oleh kerajaan negeri dan diletakkan di bawah kendalian Perbadanan Menteri Besar (PMB) tahun lalu. setelah

membayar balik segala kepentingan syarikat induk luar negara itu.

Sebelum ini, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata permohonan Kerajaan Pas Kelantan untuk mendapatkan pinjaman mudah bagi mengatasi masalah bekalan air di negeri ini, kini pada peringkat kajian Unit Perancang Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen MIC Kelantan Ke-54 di Perdana Resort, dekat sini, baru-baru ini, Samy Vellu berkata EPU akan merujuk perkara itu kepada Jemaah Menteri untuk mendapat pandangan dan kelulusan sebaik saja kajian itu selesai.

Ditanya mengenai tujuan kertas kerja itu dibuat, Nik Abdul Aziz berkata ia bagi menjustifikasikan perkara yang berkaitan dengan pinjaman itu sebelum ia dapat diluluskan.

“Menerusi pinjaman mudah itu, kita tidak mahu semua penmtukan RM600 juta yang dipohon itu diberi sekali gus, tetapi secara berperingkat mengikut fasa tertentu,” katanya.